A

Pendakwa Raya lwn Rengadorai a/l Perumal dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH JB-45B-05–06 TAHUN 2016 DAN JB-45B-06–06 TAHUN 2016

SHAMSULBAHRI IBRAHIM H

27 NOVEMBER 2024

C

Keterangan — Kebolehterimaan — Kebolehterimaan keterangan — Kebolehterimaan keterangan langsung — Kebolehterimaan pernyataan oleh orang yang tidak dapat dipanggil sebagai saksi kerana telah meninggal dunia — Sama ada keterangan saksi adalah keterangan langsung dan mematuhi peruntukan s 60(1) Akta Keterangan 1950 — Sama ada pernyataan oleh orang yang telah meninggal dunia mematuhi keperluan s 32(1)(i) Akta Keterangan 1950 — Akta Keterangan 1950 ss 32(1)(i) & 60(1)

D

E

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan-kesalahan — Mematikan orang dengan salah — Tertuduh-tertuduh dituduh dibawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Sama ada identiti si mati dibuktikan — Sama ada bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya — Sama ada kematian si mati disebabkan oleh atau akibat daripada perbuatan tertuduh-tertuduh — Sama ada alibi tertuduh-tertuduh boleh diterima — Sama ada niat bersama dibuktikan — Sama ada tertuduh-tertuduh berniat untuk membunuh si mati semasa memukulnya — Sama ada tertuduh-tertuduh bersalah atas kesalahan membunuh atau kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh — Hukuman yang wajar ke atas tertuduh-tertuduh — Akta Keterangan 1950 s 45 — Kanun Keseksaan ss 34, 299, 300, 302 & 304(a) — Kanun Tatacara Jenayah s 183

F

G

Ketiga-tiga tertuduh telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') yang dibaca bersama s 34 KK kerana telah menyebabkan kematian Aris bin Nakam ('si mati'). Kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan oleh kesemua tertuduh pada 13 September 2015 antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga jam lebih kurang 8.30 pagi keesokan harinya. Pakar perubatan forensik ('SP8') yang membuat *post mortem* ke atas si mati telah mengesahkan bahawa terdapat 42 kesan kecederaan pada si mati dan membuat kesimpulan bahawa punca kematian adalah disebabkan 'blunt trauma to the head'. Pendakwaan bergantung kepada keterangan beberapa orang saksi antaranya Allahyarham Mohammad Jopri ('Jopri') dan abang si mati ('SP12'). Jopri melalui keterangan percakapannya kepada polis ('P54') dan SP12 melalui keterangannya menyatakan bahawa mereka menyaksikan kejadian yang

H

I

berlaku di 'port' dadah di dalam satu ladang kelapa sawit di mana si mati telah dipukul dengan teruk oleh ketiga-tiga tertuduh dengan menggunakan parang dan rotan. Kesemua tertuduh telah membangkitkan pembelaan alibi seperti berikut: (a) tertuduh pertama ('OKT1') menyatakan bahawa antara jam 3.30 petang hingga 5.30 petang 13 September 2015, dia berada di rumah kakaknya ('SD5') — keterangan ini disokong oleh SD5 dan suaminya ('SD4'); (b) tertuduh kedua ('OKT2') menyatakan bahawa sepanjang pagi sehinggalah jam 5 petang 13 September 2015, dia berada di rumahnya — keterangan ini disokong oleh ibu kandung OKT2 ('SD8'); dan (c) tertuduh ketiga ('OKT3') menyatakan bahawa pada jam 7 petang 13 September 2015, dia berada di Restoran Norsiah dan anaknya yang bernama Thenmoli boleh mengesahkan keberadaannya di rumahnya setelah dia balik dari restoran tersebut. Persoalan-persoalan yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah berkenaan dengan: (i) identiti si mati; (ii) sama ada bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya; (iii) sama ada kematian si mati disebabkan oleh atau akibat daripada perbuatan ketiga-tiga OKT; (iv) niat bersama di bawah s 34 KK; (v) sabitan atas kesalahan membunuh ke atas kesemua OKT; dan (vi) hukuman terhadap kesemua OKT.

Diputuskan, membebaskan ketiga-tiga OKT daripada pertuduhan di bawah s 302 KK, mensabitkan ketiga-tiga OKT bagi kesalahan di bawah s 304(a) KK dan menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 13 tahun dari tarikh tangkap ke atas OKT1, dan 15 tahun dari tarikh tangkap ke atas OKT2 dan OKT3:

(1) Mahkamah mendapati bahawa identiti si mati tidak pernah dipertikaikan oleh ketiga-tiga OKT. Gambar-gambar si mati telah disahkan oleh kedua-dua abang kandung si mati. Identiti si mati juga telah disahkan oleh SP18 yang membawa si mati menaiki ambulans pada 14 September 2015 dan juga SP8 yang menjalankan *post mortem* ke atas si mati. Oleh itu, tiada apa-apa keraguan mengenai identiti si mati (lihat perenggan 15).

(2) SP8 dalam keterangannya mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati khususnya di kepala adalah parah dan boleh menyebabkan kematian. Selain itu, SP8 juga bersetuju bahawa peluang untuk si mati hidup adalah nipis berdasarkan kecederaan yang dialaminya. Memandangkan SP8 yang merupakan saksi pakar di bawah s 45 Akta Keterangan 1950 ('AK') telah mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia akibat kecederaan teruk yang dialaminya, maka setelah menimbang secara terperinci keterangan SP8 tersebut dan mendapati bahawa keterangan SP8 adalah kukuh, mahkamah memutuskan bahawa bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya (lihat perenggan 21–22).

(3) Adalah menjadi suatu prinsip bahawa OKT hendaklah membawa keterangan-keterangan alibi yang menjurus kepada tempat, tarikh dan

masa pertuduhan kesalahan dikatakan dilakukan. Dalam kes semasa, pertuduhan ke atas ketiga-tiga OKT menyatakan bahawa kesalahan tersebut dilakukan antara jam lebih kurang 6.30 petang 13 September 2015 sehingga lebih kurang 8.30 pagi 14 September 2015. Mahkamah mendapati bahawa alibi ketiga-tiga OKT tidak mempunyai apa-apa nilai kerana: (a) SD4 dan SD5 tidak dapat mengesahkan di mana OKT1 berada selepas jam 5.30 petang; (b) alibi OKT2 adalah melibatkan masa antara waktu pagi hingga jam 5 petang 13 September 2015 sahaja; dan (c) Thenmoli yang berumur 12 tahun yang merupakan saksi utama yang boleh mengesahkan fakta yang terdapat dalam notis alibi OKT3 tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Oleh yang demikian, mahkamah menolak alibi ketiga-tiga OKT (lihat perenggan 37–42).

(4) Mahkamah mendapati bahawa: (a) penglibatan ketiga-tiga OKT telah dinyatakan dalam keterangan SP12 dan dalam P54; (b) keterangan SP12 boleh diterima kerana keterangannya adalah keterangan langsung dan mematuhi peruntukan s 60(1) AK; (c) fakta bahawa SP12 merupakan abang si mati semata-mata tidak boleh menjadikan keterangannya tidak boleh diterima; (d) P54 boleh diterima kerana ia mematuhi s 32(1)(i) AK; (e) perbezaan masa kejadian yang dinyatakan oleh SP12 dan Jopri bukanlah material kerana kejadian tersebut telah lama berlaku; (f) keterangan SP12 dan Jopri saling menyokong antara satu sama lain mengenai fakta penglibatan ketiga-tiga OKT; (g) senjata-senjata yang dirampas oleh pihak polis adalah konsisten dengan senjata-senjata yang dinyatakan oleh SP12 dan Jopri; (h) kecederaan yang dialami si mati adalah konsisten dengan penggunaan parang dan rotan selari dengan dapatan SP8; dan (i) keterangan SP17 bahawa OKT1 berkata kepadanya bahawa OKT1 tidak bersalah dan memohon ampun menyokong penglibatan OKT1 (lihat perenggan 52–54, 57, 59 & 62–64).

(5) Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan termasuk pembelaan alibi, mahkamah mendapati bahawa pembelaan kesemua OKT adalah penafian semata-mata. Sehubungan itu, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh atau akibat daripada bencana tubuh yang dilakukan oleh kesemua OKT terhadap si mati. Niat bersama pula telah dibuktikan berdasarkan penglibatan ketiga-tiga OKT dalam memukul si mati yang disaksikan sendiri oleh SP12 dan Jopri (lihat perenggan 66–67 & 70).

(6) Mahkamah mendapati bahawa: (a) selain kecederaan di muka dan kepala, kecederaan lain adalah tidak fatal; dan (b) berdasarkan kepada kecederaan yang dialami oleh si mati, ketiga-tiga OKT tidak berniat untuk membunuh si mati semasa memukulnya kerana secara munasabahnya, dengan menggunakan parang, ketiga-tiga OKT boleh sahaja mematikan si mati dengan segera dan mudah namun dalam kes

ini, si mati masih sedar semasa ditemui. Berdasarkan pemerhatian di atas, mahkamah berpuas hati tanpa keraguan munasabah bahawa ketiga-tiga OKT atas niat bersama telah melakukan kesalahan mendatangkan bencana tubuh yang menyebabkan kematian si mati namun ia tidak terjatuh kepada niat membunuh dengan sengaja seperti yang dimaksudkan di bawah s 300 KK tetapi terjatuh pada peruntukan s 299 KK (lihat perenggan 74 & 76–77).

(7) Seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan bahawa apabila seseorang yang dituduh telah disabitkan dengan sesuatu pertuduhan, maka mahkamah hendaklah memberikan hukuman yang selaras dengan undang-undang. Bagi OKT1, mahkamah berpandangan hukuman pemenjaraan selama 13 tahun dari tarikh tangkap adalah wajar dengan mengambil kira kepentingan awam dan faktor-faktor berikut: (a) trend hukuman; (b) fakta bahawa OKT1 masih muda; (c) ini adalah kesalahan pertama OKT1; dan (d) fakta bahawa penglibatan OKT1 adalah yang paling minimum. Bagi OKT2 dan OKT3 pula, kedua-duanya mempunyai rekod kesalahan lampau. Walaupun mereka menyatakan keinsafan mereka, namun kesalahan yang mereka lakukan adalah serius. Keinsafan mereka tidak boleh mengembalikan semula si mati ke dunia ini. Oleh itu, dengan mengambil kira kepentingan awam serta trend penghukuman, maka mahkamah memutuskan hukuman pemenjaraan selama 15 tahun dari tarikh tangkap adalah wajar (lihat perenggan 83 & 89–91).

[English summary

The three accused were charged under s 302 of the Penal Code ('the PC') read with s 34 of the PC for causing the death of Aris bin Nakam ('the deceased'). The offence was allegedly committed by all the accused between approximately 6.30 pm on 13 September 2015 and 8.30 am the next day. The forensic medical expert ('SP8') who conducted a post mortem on the deceased confirmed that there were 42 injuries on the deceased and concluded that the cause of death was 'blunt trauma to the head'. The prosecution relied on the evidence of several witnesses including Allahyarham Mohammad Jopri ('Jopri') and the deceased's brother ('SP12'). Jopri through his statement to the police ('P54') and SP12 via his statement stated that they witnessed the incident that occurred at the drug 'port' in an oil palm plantation where the deceased was severely beaten by the three accused using a machete and a cane. All the accused raised the defence of alibi as followed: (a) the first accused ('OKT1') stated that between 3.30pm and 5.30pm on 13 September 2015, he was at his sister's house ('SD5') — this evidence was supported by SD5 and her husband ('SD4'); (b) the second accused ('OKT2') stated that throughout the morning until 5pm on 13 September 2015, he was at his house — this evidence was supported by OKT2's biological mother ('SD8'); and (c) the third accused ('OKT3') stated that at 7pm on 13 September 2015, he was at Norsiah

Restaurant and his son named Thenmoli could confirm his presence at his house after he returned from the said restaurant. The questions to be decided by the court were related to: (i) the identity of the deceased; (ii) whether the bodily injury suffered by the deceased was the cause of his death; (ii) whether the death of the deceased was caused by or as a result of the acts of all three OKTs; (iv) common intention under s 34 of the PC; (v) conviction of murder on all OKTs; and (vi) sentence on all OKTs.

Held, acquitting the three OKTs of the charge under s 302 of the PC, convicting the three OKTs of the offence under s 304(a) of the PC, sentencing OKT1 to 13 years imprisonment from the date of arrest, and sentencing OKT2 and OKT3 to 15 years imprisonment from the date of arrest:

(1) The court found that the identity of the deceased was never disputed by the three OKTs. The photographs of the deceased were confirmed by the deceased's two biological brothers. The identity of the deceased was also confirmed by SP18 who took the deceased in the ambulance on 14 September 2015 and by SP8 who conducted the post mortem on the deceased. Therefore, there was no doubt regarding the identity of the deceased (see para 15).

(2) SP8 in his evidence confirmed that the injuries suffered by the deceased, especially to the head, were severe and could have caused death. In addition, SP8 also agreed that the chances of the deceased surviving were slim based on the injuries he suffered. Since SP8, who was an expert witness under s 45 of the Evidence Act 1950 ('the EA'), had confirmed that the deceased had died as a result of the severe injuries he had suffered, as such, after the court considered SP8's evidence in detail and found that SP8's evidence was irrefutable, the court ruled that the physical injury suffered by the deceased was the cause of his death (see paras 21–22).

(3) It was a settled principle that the OKT must bring alibi evidence that pointed to the place, date and time of the alleged offence. In the present case, the charge against the three OKTs stated that the offence was committed between approximately 6.30pm on 13 September 2015 and approximately 8.30am on 14 September 2015. The court found that the alibis of the three OKTs were of no value because: (a) SD4 and SD5 could not confirm where OKT1 was after 5.30pm; (b) OKT2's alibi only covered the time between the morning of 13 September 2015 until 5pm of the same day; and (c) Thenmoli, who was 12 years old and who was the main witness who could confirm the facts contained in OKT3's alibi notice, was not called to give evidence. Accordingly, the court rejected the alibis of the three OKTs (see paras 37–42).

(4) The court found that: (a) the involvement of the three OKTs was stated in the evidence of SP12 and in P54; (b) the evidence of SP12 was admissible because his evidence was direct evidence and complied with

the provisions of s 60(1) of the EA; (c) the fact that SP12 was the deceased's brother alone could not render his evidence inadmissible; (d) P54 was admissible because it complied with s 32(1)(i) of the EA; (e) the difference in time of the incident as stated by SP12 and Jopri was not material because the incident had occurred a long time ago; (f) the evidence of SP12 and Jopri supported each other regarding the involvement of the three OKTs; (g) the weapons seized by the police were consistent with the weapons stated by SP12 and Jopri; (h) the injuries sustained by the deceased were consistent with the use of a machete and a cane in line with the findings of SP8; and (i) SP17's evidence that OKT1 told him that OKT1 was innocent and asked for forgiveness showed OKT1's involvement (see paras 52–54, 57, 59 & 62–64).

(5) Based on the entire evidence including the defence of alibi, the court found that the defence of all the OKTs was a bare denial. Accordingly, the court found that the prosecution had succeeded in proving beyond reasonable doubt that the death of the deceased was caused by or as a result of the bodily injury inflicted by all the OKTs on the deceased. The common intention was also proven based on the involvement of all three OKTs in beating the deceased which was personally witnessed by SP12 and Jopri (see paras 66–67 & 70).

(6) The court found that: (a) apart from the injuries to the face and head, the other injuries were not fatal; and (b) based on the injuries suffered by the deceased, the three OKTs did not intend to murder the deceased when they beat him because, reasonably, by using a machete, the three OKTs could have killed the deceased quickly and easily but in this case, the deceased was still conscious when he was found. Based on the above observations, the court was satisfied beyond reasonable doubt that the three OKTs with common intention had committed the offence of causing bodily injury which caused the death of the deceased but it did not fall under the intention to murder as provided under s 300 of the PC, instead, it fell under the provisions of s 299 of the PC (see paras 74 & 76–77).

(7) Section 183 of the Criminal Procedure Code stated that when an accused person had been convicted of a charge, the court shall impose a sentence in accordance with the law. For OKT1, the court was of the view that a sentence of imprisonment for 13 years from the date of arrest was appropriate, taking into account the public interest and the following factors: (a) the trend of sentencing; (b) the fact that OKT1 was still young; (c) this was OKT1's first offence; and (d) the fact that OKT1's involvement was minimal. As for OKT2 and OKT3, both of them had previous convictions. Although they expressed their remorse, the offence that they had committed were serious. Their remorse could not bring the deceased back to this world. Therefore, taking into account the public

A interest and the trend of sentencing, the court decided that a sentence of imprisonment for 15 years from the date of arrest was appropriate (see paras 83 & 89–91).]

Kes-kes yang dirujuk

B *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241, MA (dirujuk)
Agbu Goodluck Ugochukwu lwn Pendakwa Raya [2018] 3 MLJ 645; [2018] 2 CLJ 30, MR (dirujuk)
Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1
C CLJ 617, MP (dirujuk)
Azwel bin Mohd Ali lwn Pendakwa Raya [2013] 1 MLJ 253; [2012] 6 CLJ 809, MR (dirujuk)
Cheong Kam Kuen v PP [2013] 1 MLJ 15; [2012] 8 CLJ 537; [2012] 6 AMR 573, MP (dirujuk)
D *Duis Akim & Ors v PP* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, MP (dirujuk)
Ghazali bin Mat Ghani v PP [1998] 2 MLJ 675, MR (dirujuk)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857, MP (dirujuk)
Krishna Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ
E 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)
Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, MR (dirujuk)
Mohd Yazid bin Hashim v PP [1999] 1 MLJ 545, MR (dirujuk)
Neelamegan a/l Kumar dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2024] 2 MLJ 876; [2023] CLJU 2342; [2023] MLRAU 272, MR (dirujuk)
F *Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya* [2017] 1 MLJ 137; [2017] 2 CLJ 141, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai [2000] 6 MLJ 622; [2000] CLJU 208, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Akhlas [2021] MLJU 2621; [2021] CLJU 2201; [2021] 1
G LNS 2201, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya v Anuar bin Mohamad [2010] MLJU 702 [2010] CLJU 1846; [2010] 1 LNS 1846, MR (dirujuk)
PP v Azilah bin Hadri & Anor [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (dirujuk)
H *PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15; [1976] CLJU 184; [1976] 1 LNS 184 (dirujuk)
PP v Iskandar bin Mohamad Yusof [2006] 5 MLJ 559; [2006] 6 CLJ 379, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315; [1981] CLJU 28 (dirujuk)
I *Pendakwa Raya lwn Karthiselvam a/l Vengatan* [2008] 3 MLJ 368; [2009] 4 CLJ 632, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Nurul Yuliana [2019] MLJU 273; [2019] CLJU 418; [2019] 1 LNS 418, MT (dirujuk)
Pubalan a/l Peremal v PP [2020] 5 MLJ 442; [2020] 8 CLJ 306, MP (dirujuk)

PP v Morah Chekwube Chukwudi [2017] MLJU 958; [2017] CLJU 864; [2017] 1 LNS 864, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159, MP (drujuk)
Vinaga Moorthy a/l Gopal v PP [2003] 2 MLJ 87; [2003] 1 CLJ 758, MR (dirujuk)
Yit Kean Hong v PP [2005] 4 CLJ 592, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 s 6
Akta Dadah Berbahaya s 12(2)
Akta Keterangan 1950 ss 32(1)(i), 45, 60(1)
Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s 15(2)(c)
Kanun Keseksaan ss 34, 302, 304(a), (b), 457, 506
Kanun Tatacara Jenayah ss 112, 183, 254

Putera Amirool Faez bin Suhasi (Muhammad Syafiqbin Ghazali bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.
Sritharan a/l K Govindan (Rajagunaseelan a/l Padmanaban bersamanya) (GK Sritharan & Co) bagi pihak tertuduh pertama.
Anwar bin Ab Raof (Anwar Raof & Co) bagi pihak tertuduh kedua.
Ramesh a/l KS Vasan (Mariammah a/p Bharathan bersamanya) (Ramesh Vasan & Co) bagi pihak tertuduh ketiga.

Shamsulbahri Ibrahim H:

LATAR BELAKANG

[1] Ketiga-tiga tertuduh telah dituduh atas kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ARIS BIN NAKAM (No K/P: 710528–01–5857) bersama seorang lagi iaitu Mohammad Jopri bin Norsalim di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') yang dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. Kesemua tertuduh dikatakan melakukan kesalahan tersebut pada 13 September 2015 antara jam lebih kurang 6.30 petang hingga jam lebih kurang 8.30 pagi 14 September 2015 di sebuah kebun kelapa sawit, Kampung SC, Layang-Layang, Kluang, Johor.

[2] Setelah 11 orang saksi pendakwaan memberi keterangan di mahkamah ini, pihak Jabatan Penjara telah memaklumkan kepada TPR bahawa Mohammad Jopri telah meninggal dunia pada 12 September 2019 di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Ekoran itu, pada 5 November 2019, mahkamah ini telah melepas dan membebaskan Mohammad Jopri daripada pertuduhan berkenaan di bawah s 254 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[3] Bagi tujuan rujukan, berikut adalah pertuduhan terhadap ketiga-tiga tertuduh berkenaan:

> Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas pada tarikh 13.9.2015 di antara jam lebih kurang 6.30 petang sehingga tarikh 14.9.2015 jam lebih kurang 8.30 pagi, bertempat di sebuah kebun kelapa sawit, Kampung SC, 81850 Layang-layang dalam daerah Kluang, di dalam negeri Johor Darul Takzim, dalam melaksanakan niat bersama kamu telah melakukan bunuh hingga menyebabkan kematian ke atas ARIS BIN NAKAM (NO. KP: 110528–01–5851). Oleh yang demikian kamu bersama-sama telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 kanun yang sama.

FAKTA RINGKAS KES PENDAKWAAN

[4] Sebagai fakta ringkas kes pendakwaan, pada 14 September 2019 jam 8.30 pagi, Lans Koperal Suzannah bt Sudin (SP6) yang bertugas di Balai Polis Layang-Layang telah menerima panggilan daripada Muhammad Afiq bin Safruddin (SP18), Penolong Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Layang-Layang yang memaklumkan bahawa terdapat seorang lelaki Melayu cedera terbaring di tepi jalan telah dibawa ke Klinik Kesihatan Layang-Layang dan telah meninggal dunia. Pemeriksaan mendapati bahawa lelaki tersebut bernama ARIS BIN NAKAM. Pada 14 September 2019 jam 3.35 petang suatu *post mortem* telah dilakukan di Hospital Enche Besar Hajjah Kalsum, Kluang oleh Dr Muhammad Aznooi Haidy bin Ahsorori (SP8), Pakar Perubatan Forensik Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang kemudian mengesahkan dalam laporan *post mortem*nya (P35) bahawa terdapat 42 kesan kecederaan pada si mati dan membuat kesimpulan bahawa punca kematian adalah disebabkan 'blunt trauma to the head'.

[5] Kes ini telah mula didengar pada 23 Januari 2017 di hadapan YA Dato' Muhammad Jamil bin Husin. Bagaimanapun selepas beliau bertukar keluar, perbicaraan diteruskan di hadapan YA Datuk Wira Haji Ahmad Nasfy bin Hj Yasin mulai 1 Oktober 2018. Pada 14 Julai 2020, perbicaraan telah dijalankan di hapadan YA Tuan Awang Armadajaya bin Awang Mahmud.

[6] Bagi tujuan mewujudkan kes prima facie, pihak pendakwaan telah memanggil 24 orang saksi dan pada 15 September 2021 YA Tuan Awang Armadajaya telah memutuskan bahawa suatu kes prima facie telah wujud terhadap ketiga-tiga tertuduh dan telah memanggil mereka untuk membela diri.

[7] Bagaimanapun, YA Tuan Awang Armadajaya terpaksa meninggalkan badan kehakiman atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Ekoran itu, saya telah diarahkan oleh Hakim Besar Malaya untuk mengambil alih kes ini di

peringkat yang ditinggalkan oleh YA Tuan Awang Armadajaya mulai 20 Julai 2022.

[8] Bagi tujuan pembelaan, ketiga-tiga tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah serta memanggil beberapa orang saksi bagi menyokong pembelaan mereka.

BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[9] Dalam setiap kes pendakwaan jenayah, beban pembuktian untuk membuktikan kes tersebut tanpa keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) sentiasa terletak di atas bahu pihak pendakwaan melainkan dalam beberapa keadaan khusus di mana pihak pembelaan dikehendaki membuktikan kes pada asas imbangan kebarangkalian (*on the balance of probabilities*).

[10] Dalam kes *Agbu Goodluck Ugochukwu lwn Pendakwa Raya* [2018] 3 MLJ 645; [2018] 2 CLJ 30, di mana Mahkamah Rayuan melalui Yaacob Md Sam HMR menyatakan:

> [52] Seperti yang mahkamah ini sebutkan sebelum ini, beban pembuktian bagi membuktikan kes pendakwaan tanpa keraguan yang munasabah terletak sepanjang masa ke atas pihak pendakwaan. Bukan menjadi tugas perayu untuk membuktikan pembelaannya, tetapi memadai ke atas perayu bagi menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan bagi mendapatkan pembebasan dirinya terhadap pertuduhan.
>
> [53] Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ Rep 311 mengatakan:
>
> > *It is well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for an offence which he is charged.* There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier that the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under ss 173(f) or 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v Public Prosecutor*). If the defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

A [54] *Untuk memperolehi pelepasan dan pembebasan, perayu tidak perlu meyakinkan mahkamah bahawa keterangan perayu adalah lebih dipercayai dari keterangan pihak pendakwaan. Walaupun mahkamah tidak mempercayai pembelaan perayu, tetapi jika pembelaan itu menimbulkan keraguan yang munasabah ia sudah memadai untuk membolehkan perayu dilepas dan dibebaskan* (*Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ
B 263; [1963] 1 LNS 82, *Public Prosecutor v Saimin & Ors v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115*, Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85).

C **[11]** Pada peringkat kes pembelaan ini, mahkamah mestilah menimbang dan menilai kesemua dan keseluruhan keterangan yang dikemukakan sebelum ini dengan meletakkannya sebelah menyebelah dengan keterangan pembelaan untuk tujuan penilaian keseluruhan keterangan dalam kes ini.

D **[12]** Dalam kes *Public Prosecutor v Iskandar bin Mohamad Yusof* [2006] 5 MLJ 559; [2006] 6 CLJ 379, Hakim Suriyadi (pada masa itu) menyatakan:

[10] *As said above when I called the defence I was satisfied that a prima facie case had successfully been established by the prosecution. Factually and legally the prosecution had satisfied all the ingredients and requirements of s 180 of the Criminal Procedure Code.*
E *Before arriving at that conclusion as required by the latter section, and as stated earlier, a maximum evaluation of the evidence was conducted by me. Needless to say that evaluation was totally one sided, in that it was substantially the evidence adduced by the prosecution, though peppered by the accused person's suggestions and answers elicited from witnesses in the course of the cross examination.* Naturally at that stage no sworn testimony of the accused person was made available that could prematurely punch
F holes in the prosecution's story. Naturally too whatever was suggested by the accused person that could be helpful to him inevitably would receive unhelpful answers. With such a scenario the prosecution literally sauntered into the defence stage.

[11] At the defence stage a different scenario expressed itself. *The prosecution's story had to be reevaluated maximum-like*, but this time padded by the additional defence's
G version, which was given under oath. At the end of the accused person's case, unless the prosecution succeeded at convincing me beyond reasonable doubt, he must be acquitted. All the latter needed to do was to weaken the prosecution's case on a balance of probability.

H **[13]** Arifin Zakaria HMP (pada masa itu) pula semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857 menyebut:

[13] *In our criminal law at the close of the defence case what the court needs to decide is*
I *whether the defence had succeeded to raise any reasonable doubt on the prosecution case.* If the answer is in the positive then the accused person is without more entitled to his acquittal. It has to be remembered always that at no time, except in special circumstances, the burden of proof is cast on the defence: the burden rest all throughout on the prosecution to prove its case beyond any reasonable doubt (see *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 3 CLJ

2073; [1991] 1 CLJ Rep 311).

[14] Selain itu, Azahar Mohamed HMP (pada masa itu) semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya* [2017] 1 MLJ 137; [2017] 2 CLJ 141, menyatakan:

> [41] *Mengikut s 182A(1) Kanun pada penutup perbicaraan, mahkamah hendaklah menimbang keseluruhan keterangan (all the evidence) yang dikemukakan di hadapannva dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Badan perundangan telah menggunakan terma 'keseluruhan keterangan'. Penekanan mestilah diberikan pada perkataan 'keseluruhan'* (sila lihat *Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392 dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85). Dalam keadaan kes ini, penjelasan perayu tentang kewujudan DNAnya di P25 dan P27 adalah merupakan keterangan sepertimana yang dimaksudkan oleh peruntukan s 182A dan Mahkamah Tinggi hendaklah memberinya pertimbangan dalam membuat dapatan sama ada atau tidak pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.
>
> [42] Matlamat peruntukan s 182A Kanun ini jelas adalah untuk memastikan sebarang pembelaan yang dikemukakan oleh perayu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah Tinggi demi untuk mencapai perbicaraan yang adil. Beban pembuktian am yang ditanggungkan sepanjang perbicaraan ke atas pihak pendakwaan adalah untuk membuktikan kesalahan perayu melampaui keraguan munasabah atas kesalahan yang baginya dia dipertuduh. Beban itu tidak berganjak. Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah bergantung pada sama ada wujud atau tidak keraguan munasabah dalam keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah. Ini merupakan persoalan fakta yang perlu diputuskan oleh mahkamah pada penutup perbicaraan dengan berhati-hati selepas mengambil kira kesemua keterangan termasuk juga apa-apa penjelasan serta pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dan hal keadaan yang timbul dalam perbicaraan.

ANALISIS MAHKAMAH

Identiti si mati adalah Aris bin Nakam

[15] Dalam hal ini, saya mendapati bahawa identiti si mati iaitu Aris bin Nakam tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak khususnya peguambela ketiga-tiga OKT. Gambar-gambar si mati di P37(1–6) telah disahkan sebagai Aris bin Nakam oleh Ismail bin Nakam (SP12) dan Boraden bin Nakam (SP16), kedua-duanya abang kandung si mati. Begitu juga SP18 yang membawa si mati menaiki ambulans pada 14 September 2015 bagi dihantar ke Klinik Kesihatan Layang-Layang, beliau juga mengesahkan identiti si mati. Selain itu SP8 yang menjalankan *post mortem* ke atas si mati juga mengesahkan fakta yang sama. Oleh itu, tiada sebarang keraguan mengenai identiti si mati.

Sama ada bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya

[16] Bagi isu sama ada bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya (sebagaimana disyaratkan dalam kes *Ghazali bin Mat Ghani v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 675 dan *Mohd Yazid bin Hashim v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 545), saya mendapati SP8 yang membuat *post mortem* ke atas si mati mengesahkan bahawa terdapat 42 kecederaan berikut pada si mati:

(a) lebam 5 x 3.5cm pada bahagian belakang tangan kanan. Calar cakar 1 x 0.2cm berhampiran dengan kecederaan tersebut. Tiada tulang patah;

(b) lebam 7 x 5cm pada bahagian *third*, *fourth and fifth* jari tangan kanan. Tiada tulang patah;

(c) lebam 3.5 x 3cm pada bahagian belakang lengan bawah kanan. Tiada tulang patah;

(d) calar cakar 3.02cm pada bahagian belakang tengah lengan bawah kanan. Tiada tulang patah;

(e) calar cakar 2 x 0.2cm pada siku kanan. Tiada tulang patah;

(f) lebam (seakan-bercetak) 12 x 11cm pada bahagian luar atas bahu kanan. Tiada tulang patah;

(g) calar 2.5 x 5cm pada bahagian atas bahu kanan. Tiada tulang patah;

(h) lebam 1 x 1cm pada bahagian ketiak kanan. Calar cakar 30.1cm berhampiran pada kecederaan terdahulu;

(i) lebam 3 x 2cm pada bahagian jari tengah tangan kiri;

(j) lebam 3 x 2cm pada bahagian belakang tangan kiri;

(k) lebam 5 x 2cm pada bahagian belakang tengah lengan bawah kiri;

(l) calar 2 x 2cm pada bahagian belakang atas lengan bawah kiri;

(m) calar 3 x 2cm pada siku kiri;

(n) lebam 4 x 3cm dan 2 x 1.5cm pada bahagian hadapan atas dada kiri;

(o) calar lebam 8 x 8cm pada bahagian atas bahu kiri;

(p) calar lebam 4 x 2cm pada bahagian dalam belakang siku kiri;

(q) lebam 2 x 1cm pada bahagian atas bahu kanan;

(r) lebam 0.5 x 0.5cm pada bahagian hadapan atas kanan dada;

(s) lebam 3 x 2cm pada bahagian hadapan dada kanan;

(t) lebam 13 x 8cm pada bahagian bawah klavikel kanan;

(u) lebam 3 x 1cm pada bahagian hadapan dada kanan;

(v) luka hirisan dangkal 'superficial' 2 x 0.5cm pada bahagian hadapan bawah dada kanan;

(w) lebam 4.5 x 1cm pada bahagian kiri *scapula*;

(x) calar 5 x 1cm pada bahagian kanan *scapula*;

(y) lebam berbentuk 'tramline' 7 x 2cm pada bahagian belakang pinggang kiri (tubuh). Di bawahnya terdapat pendarahan bawah kulit;

(z) calar lebam *linear* 5 x 0.5cm pada bahagian belakang dada kiri;

(aa) lebam 7 x 6cm pada bahagian hadapan kanan leher;

(ab) calar *linear* 5 x 0.5cm pada bahagian hadapan bawah leher;

(ac) lebam beserta corak seakan oval 4.5 x 3.5cm beserta sedikit calar pada bahagian luar mata kiri;

(ad) pendarahan sekeliling mata 6.5 x 3.5cm pada mata kiri;

(ae) calar 6 x 5cm pada sebahagian kiri dahi;

(af) calar 6 x 1.5cm pada bahagian luar kanan dagu melanjut ke rahang bawah kanan;

(ag) calar 6.5 x 6.5cm pada bahagian belakang rahang kanan;

(ah) calar 4 x 0.5cm pada bahagian luar mata kanan;

(ai) bengkak beserta lebam samar 4 x 3cm pada bahagian belakang kiri kepala.

(aj) lebam 7.5 x 4cm pada bahagian keting kanan;

(ak) lebam 3 x 2.5cm pada bahagian dalam buku lali kanan;

(al) calar 1 x 0.5cm dan 0.5 x 0.5cm pada *first* dan *second* jari kaki kanan;

(am) lebam 6 x 3cm pada bahagian luar lutut kiri;

(an) lebam 7 x 5cm pada bahagian keting kiri;

(ao) lebam berbentuk 'tramline' 5 x 2cm pada bahagian belakang bawah peha kanan; dan

(ap) lebam berbentuk 'tramline' 5 x 2cm dan 5 x 2cm pada bahagian belakang atas kaki kanan (berhampiran pelipat 'popliteal' kanan).

[17] Selain itu SP8 juga mendapati lebam di kulit kepala si mati seperti yang berikut:

(a) lebam bercorak seakan *oval* 3 x 2cm pada bahagian belakang kiri kepala. Terdapat juga satu lagi lebam 4.5 x 2cm pada bahagian belakang kiri

kepala (bertindih/berhampiran dengan kecederaan terawal). Lebam bawah kulit. Tiada tulang tengkorak pecah; dan

(b) lebam bercorak seakan separuh oval 2.5 x 1.5cm pada bahagian belakang kepala. Lebam bawah kulit kepala. Tiada tulang tengkorak pecah.

[18] SP8 juga mengesahkan bahawa pemeriksaan dalaman yang dijalankan ke atas kepala si mati mendapati kecederaan yang berikut:

Head (kepala)

Scalp: Terdapat pendarahan bawah kulit kepala pada bahagian yang cedera

Skull: Tiada tulang tengkorak pecah

Meninges: Terdapat sedikit pendarahan selaput tisu otak pada bahagian kanan dan kiri; kiri *frontal* (hadapan kiri) dan pada *cerebellar.*

Pendarahan bawah lapisan *dura 'subdural'* dengan anggaran 200–300ml pada bahagian kanan dan kiri hemisfera otak

Brain: Otak beratnya 1275gm. Tisu membengkak beserta lebam otak tengah. Terdapat *'conning' cerebellar.* Tiada nanah, ketulan darah atau lesi seakan tumor otak

[19] SP8 juga mengesahkan kecederaan-kecederaan tersebut adalah sesuai dengan corak akibat objek keras tumpul (*blunt trauma*) pada kepala si mati seperti keadaan ditumbuk, ditendang atau sebarang objek yang menyerupainya. Selain itu, terdapat beberapa lebam bercorak seakan *oval* kelihatan pada kepala si mati selain beberapa kecederaan lain pada muka. SP8 mengesahkan kecederaan-kecederaan tersebut adalah sesuai dengan corak akibat objek keras tumpul 'blunt trauma' pada kepala yang diakibatkan oleh objek hujung silindrikal seperti rod, besi, baton atau sebarang objek yang menyerupainya. Semasa ditunjukkan rotan P14A, SP8 mengesahkan bahawa rotan ini boleh mengakibatkan kecederaan tersebut. Begitu juga dengan parang P15A(1) yang ditunjukkan kepada SP8, beliau mengesahkan bahawa parang tersebut boleh mengakibatkan luka hirisan dan juga boleh mengakibatkan kecederaan objek tumpul memandangkan terdapat bahagian-bahagian lain pada parang tersebut yang boleh digunakan seperti sisi bilah, belakang parang dan hulu parang.

[20] Mengenai 'conning', SP8 menegaskan ia adalah petanda signiflkan tisu otak si mati membengkak. Pembengkakan otak adalah akibat kecederaan luar kepala iaitu daripada hentakan pada muka atau kepala. Kecederaan kepala yang ditemui (*subarachnoid hemorrhage, subdural hematoma, brain edema and subsequently cerebellar conning*) boleh menyebabkan 'deterioration of consciousness' dan penekanan pada pusat kardiorespiratori yang menjurus kepada kematiannya. SP8 juga menambah bahawa kecederaan-kecederaan yang tertumpu pada bahagian muka dan kepala iaitu kecederaan di butiran 29

hingga 35 pada lazimnya mencukupi dan cukup signifikan untuk menyebabkan kematian si mati.

[21] Dalam keterangannya juga, SP8 mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati khususnya di kepala adalah parah dan boleh menyebabkan kematian. Selain itu SP8 juga bersetuju bahawa peluang untuk si mati hidup adalah nipis berdasarkan kecederaan yang dialaminya.

[22] Memandangkan SP8 adalah saksi pakar di bawah s 45 Akta Keterangan 1950 telah mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia akibat kecederaan teruk yang dialaminya, maka setelah menimbang secara terperinci keterangan SP8 ini dan mendapati keterangan beliau adalah kukuh dan cukup meyakinkan saya untuk memutuskan bahawa bencana tubuh yang dialami oleh si mati merupakan penyebab kepada kematiannya.

Sama ada kematian si mati disebabkan oleh atau akibat daripada perbuatan ketiga-tiga QKT

Pembelaan OKT1

[23] OKT1 dalam keterangan bersumpahnya menyatakan bahawa beliau tidak mengenali, tidak pernah berjumpa dan tidak pernah memukul si mati. OKT1 juga menafikan bahawa terlibat dengan kesalahan yang dipertuduhkan dengan alasan pada tarikh kejadian iaitu pada pagi 13 September 2015 beliau telah pergi ke kubur bapanya bersama anak saudaranya bernama Jiva a/l Arumugam di Tenang, Segamat sehingga pukul 12.30 tengahari. Kemudian, selepas menghantar anak saudaranya tersebut pulang, OKT1 telah pergi ke rumah kakaknya yang bernama Kalaivani a/p Perumal (SD5), di Kalaivani Motor Services, No 103 Jalan Putra 1/44 Taman Putra, Segamat dan berada di sana antara jam 3.30 petang hingga 5.30 petang.

[24] Selepas itu, OKT1 telah keluar menaiki motosikal bernombor pendaftaran JQM4055 ke rumah kawannya yang bernama Chandru a/l Arumugam ('Chandru') di Ladang CEP, Layang-Layang, Kluang. OKT1 berada di sana antara jam 6 petang hingga 7 malam. Kemudian OKT1 dan Chandru telah pergi ke Kampung Paya di mana di situ mereka membeli lilin, dua botol arak, sebungkus rokok dan sebungkus roti. Selepas itu mereka telah pergi ke 'port' dadah untuk membeli heroin. Setelah selesai membeli dadah tersebut, OKT1 dan Chandru telah masuk ke ladang kelapa sawit dengan melalui tujuh lorong sawit sebelum berhenti di salah satu batang pokok sawit dan menghisap dadah di situ.

[25] OKT1 dan Chandru berada di tempat tersebut sehingga pukul 4 pagi 14 September 2015. OKT1 hanya sedar apabila Chandru menelefonnya untuk

memaklumkan bahawa di tempat mereka menghisap dadah itu ada berlaku satu pembunuhan dan meminta beliau keluar dari situ. Ekoran itu, OKT1 telah keluar ke kampung berdekatan iaitu Kg Jaya Sepakat pada jam 2 petang. Namun OKT1 menyatakan bahawa beliau telah dipukul sehingga pengsan dan ditangkap oleh orang ramai yang kebetulan sedang mengadakan gotong royong di kawasan sebuah masjid di kampung tersebut. Kemudian OKT1 telah diserahkan kepada anggota polis yang datang ke kampung tersebut. Penangkapan OKT1 oleh orang ramai disahkan oleh Roslim bin Miskon (SD6) iaitu Ketua Kg Jaya Sepakat dan Mohd Sharil bin Mohd Yasin (SP17).

[26] Dalam notis alibinya (D70) pula, OKT1 menyatakan antara jam 3.30 petang hingga 5.30 petang 13 September 2015 beliau berada di rumah SD5. Keterangan OKT1 ini telah disokong oleh SD5 dan Manimaran a/l Maniam (SD4) iaitu suami SD5 yang juga abang ipar OKT1.

Pembelaan OKT2

[27] Bagi pembelaan OKT2 (SD2) pula, beliau memberi keterangan secara bertulis yang kemudian ditandakan sebagai PWSD2. OKT2 dalam keterangannya menafikan pernah berjumpa atau mengenali si mati selain menafikan beliau adalah individu yang dikenali dengan nama 'Nandu'.

[28] Menurut OKT2 lagi, kira-kira pukul 5 petang 13 September 2015, OKT3 (SD3) telah datang ke rumah OKT2 untuk membeli ayam. Kemudian, OKT2 serta OKT3 telah keluar menaiki motosikal untuk pergi ke rumah No 165 Jalan Taman Puteri, Kg Paya, Layang-Layang dan berjumpa Nur Erra Syaherah bt Abdullah bagi mencari bapanya yang bernama Ganir bin Abdul Rahman di mana OKT2 dikatakan telah mengugut mereka menggunakan ayat yang berikut:

> Kalau kau dengan Ganir tak masuk port dalam masa setengah jam aku akan kerjakan kamu, kau tunggu je.

[29] Selepas berjumpa Nur Erra Syaherah, OKT2 dan OKT3 telah pergi ke kandang ayam sebelum balik ke rumah. Ekoran daripada ugutan yang dikatakan dilakukan oleh OKT2, Nur Erra Syaherah telah membuat suatu laporan polis bernombor Layang-Layang 1029/15 (D67) terhadap OKT2. Bagaimanapun, dalam laporan polis tersebut OKT2 dirujuk oleh Nur Erra Syaherah sebagai 'Nandu'. Berikutan dengan perbuatan ugutan tersebut, OKT2 telah dituduh di bawah s 506 Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret Kluang. Bagaimanapun OKT2 menafikan membuat ugutan berkenaan. Sebaliknya dia menyatakan bahawa dia datang berjumpa Nur Erra Syaherah bagi menuntut baki hutang penjualan motosikal sebanyak RM1,000 yang dikatakan gagal dibayar oleh Ganir.

[30] Selain memberi keterangan bersumpah, sama seperti OKT1, OKT2 juga mengemukakan notis *alibi* (D65) yang menyatakan seperti berikut:

> Sepanjang pagi sehinggalah jam 5.00 petang anak guam kami berada di rumah beralamat No. 20 Jalan Mawar 16, Taman Sri Layang-Layang, 81850 Layang-Layang, Johor. Penama yang boleh mengesahkan perkara ini ialah Saute a/p Bhaskaran Pillai No. KP: 581022–01–5392 beralamat No. 20 Jalan Mawar 16, Taman Sri Layang-Layang, 81850 Layang-Layang, Johor. Nombor telefon 07-7626520.

[31] Bagi menyokong pembelaan alibinya, OKT2 memanggil Sautre a/p Bhaskaran Pillai (SD8), ibu kandungnya yang mengakui keberadaan OKT2 di alamat yang dinyatakannya.

Pembelaan OKT3

[32] Dalam keterangan bersumpahnya, OKT3 menafikan penglibatannya dalam pembunuhan si mati. OKT3 menegaskan bahawa pada tarikh kejadian iaitu 13 September 2015 beliau berada di rumahnya di No 21 Jalan Sutera 4, Taman Mewah, Layang-Layang dari pagi hingga pukul 5 petang. Selepas itu, OKT3 telah pergi ke rumah OKT2 dan seterusnya ke rumah Nur Erra Syaherah di Kg Paya, Layang-Layang. Selepas 30 minit berada di rumah Nur Erra Syaherah, OKT3 telah pulang ke rumah dan keluar semula pada jam 6.20 petang untuk minum petang di Restoran Norsiah, Layang-Layang sehingga pukul 7 malam.

[33] Selepas balik dari minum petang, OKT3 telah berada di rumahnya hingga pukul 8 malam di mana OKT3 selepas itu telah keluar ke 'port' dadah untuk menghisap dadah. Pada pukul 8.30 malam, OKT3 telah keluar dari *port* dadah untuk balik ke rumah. OKT3 keluar semula pukul 9.30 malam untuk ke *port* dadah dan balik ke rumah pukul 10 malam. Selepas itu OKT3 tidak keluar rumah sehingga esoknya.

[34] Pada keesokan harinya (14 September 2015) OKT3 menerima panggilan telefon yang menyatakan terdapat seorang lelaki Melayu telah meninggal dunia di tempat OKT3 menghisap dadah pada malam sebelumnya. Apabila mendengar berita tersebut, OKT3 merasa risau kerana pada malam kematian lelaki tersebut, OKT3 memang berada di *port* berkenaan. Ekoran itu OKT3 mengambil keputusan untuk bersembunyi di hutan kerana merasakan polis akan menangkap semua orang yang berada di *port* tersebut pada hari berkenaan. Selepas sepuluh hari berada di hutan, abang OKT3 yang bernama Ramesh a/l Vellasamy dan abang iparnya iaitu Vel Murugan a/l Arunakiri Devar (SD9) telah membawa OKT3 ke Balai Polis Renggam.

[35] Sama seperti OKT-OKT yang lain, OKT3 juga telah mengemukakan notis alibi iaitu D68 dan D69. Bagi notis alibi D69, OKT3 memanggil SD9 yang mengesahkan bahawa beliau berjumpa dengan OKT3 di Restoran Norsiah pada jam 7 petang. Dalam notis alibi di D68 pula, OKT3 menyatakan bahawa anaknya yang bernama Thenmoli a/p Suresh boleh mengesahkan keberadaan OKT3 di rumahnya selepas OKT3 balik dari Restoran Norsiah.

ANALISIS MAHKAMAH TERHADAP ALIBI KETIGA-TIGA OKT

[36] Sebelum saya menganalisis alibi ketiga-tiga OKT, adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa beban pembuktian bagi pembelaan alibi adalah terletak pada bahu OKT sebagaimana yang dinyatakan oleh Suryadi HMP dalam kes *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579 di mana beliau menyatakan:

> [37] The burden of proving the commission of an offence by an accused person never shifts away from the prosecution *whilst the burden of establishing that defence of alibi lies on the accused person.*
>
> [38] *Mere service of a notice of alibi on the prosecution is not sufficient to substantiate the truth of such notice even though an accused person does not assume the burden of proving its truth*. The burden is still on the prosecution to prove its falsity by evidentially establishing the presence of the accused person of having been at the scene of the crime at the material time. The falsity of that notice will crystallise once the prosecution successfully establishes a prima facie case.
>
> [39] As said above, if the prosecution fails to establish a prima facie case then the need by the accused person to prove his alibi defence does not arise; *but once the prosecution discharges his prosecutorial burden of proof that led to the establishment of the prima facie case, it then becomes incumbent upon the accused person to cast a reasonable doubt that he was elsewhere* (*Gurcharan Singh & Anor v State of Punjab* AIR 1956 SC 460*; Dato' Mokhtar Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ Rep 101). This is a heavy burden on the first respondent and that burden flows from s 103 of the Evidence Act 1950 (*Juahir Sadikon v Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor* [1996] 3 MLJ 627; [1996] 4 CLJ 1). Section 103 reads:
>
> > 103. The burden of proof as to any particular fact lies on that person who wishes the court to believe in its existence, unless it is provided by any law that the proof of that fact shall lie on any particular person.
> >
> > ILLUSTRATIONS
> >
> > (a) ...
> >
> > (b) *B wishes the court to believe that at the time in question he was elsewhere. He must prove it.*

[37] Mengenai alibi OKT1, notis ini telah disiasat oleh ASP Mohd Hanis bin Abd Wahab (SD7) iaitu Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kluang.

Semasa memberi keterangan, SD7 menyatakan bahawa kesahihan naratif yang dibawa oleh OK1, SD5 dan SD4 tidak dapat dipastikan oleh atas alasan masa OKT1 berada di rumah SD5 dan SD4 adalah antara pukul 3.30 petang hingga 5.30 petang 13 September 2015 sedangkan tarikh yang dicatat pada pertuduhan adalah pada 13 September 2015 antara jam lebih kurang 6.30 petang sehingga tarikh 14 September 2015 jam lebih kurang 8.30 pagi. Oleh itu SD7 menyatakan bahawa masa yang dinyatakan dalam notis *alibi* OKT1 adalah tidak relevan dengan pertuduhan.

[38] Dalam hal ini saya berpandangan adalah jelas bahawa SD4 dan SD5 tidak dapat mengesahkan di mana OKT1 berada selepas pukul 5.30 petang. Perlu dinyatakan bahawa dalam pertuduhan disebut bahawa kesalahan tersebut dikatakan dilakukan antara jam lebih kurang 6.30 petang 13 September 2015 sehingga lebih kurang 8.30 pagi 14 September 2015. Oleh itu, saya bersetuju dengan hujahan TPR bahawa alibi OKT1 adalah tidak relevan dengan masa yang terdapat dalam pertuduhan.

[39] Bagi alibi OKT2, setelah meneliti D65, saya mendapati *alibi* beliau adalah melibatkan masa antara pagi hingga 5 petang 13 September 2015 sedangkan tarikh yang dicatat pada pertuduhan adalah pada 13 September 2015 antara jam lebih kurang 6.30 petang sehingga tarikh 14 September 2015 jam lebih kurang 8.30 pagi. Oleh itu, sama seperti alibi OKT1, saya mendapati D65 ini tidak membawa sebarang kesan bagi menafikan bahawa OKT2 tidak berada di tempat kejadian pada masa yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan. Tambahan pula dalam D67 dinyatakan bahawa OKT2 mengugut Nur Erra Syaherah supaya Ganir memasuki *port* dalam masa setengah jam dari masa tersebut. Oleh itu adalah tidak munasabah sekiranya OKT2 menyuruh Ganir dan isterinya masuk ke *port* sedangkan dia sendiri tidak berada di *port* berkenaan setengah jam selepas itu.

[40] Mengenai alibi OKT3, saya mendapati Thenmoli adalah saksi utama yang boleh mengesahkan fakta yang terdapat dalam notis alibi tersebut. Bagaimanapun OKT3 tidak memanggil Thenmoli untuk memberi keterangan di mahkamah bagi mengesahkan keberadaan OKT3 di rumanya sepanjang malam 13 September 2015 hingga waktu pagi 14 September 2015. Tiada alasan dikemukakan mengapa Thenmoli tidak dipanggil ke mahkamah oleh OKT3. Perlu dinyatakan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab OKT3 untuk membawa bukti bagi menyokong alibinya sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* dan bukannya hanya menyerahkan notis alibi semata-mata.

[41] Walaupun SD7 ada bertemu dengan Thenmoli bagi menyiasat kesahihah D68, namun tanpa saksi ini dipanggil ke mahkamah untuk diuji kesahihah keterangannya adalah sukar untuk mahkamah ini menerima

bulat-bulat fakta mengenai keberadaan OKT3 di rumah tersebut berdasarkan cerita anak OKT3 yang berumur 12 tahun tersebut semata-mata. Disebabkan tiada keterangan sokongan yang kukuh bagi membuktikan keberadaan OKT3 di rumah berkenaan selepas pukul 7 malam, alibi OKT3 ini pada pandangan saya tidak mempunyai apa-apa nilai.

[42] Adalah menjadi suatu prinsip bahawa OKT hendakiah membawa keterangan-keterangan alibi yang menjurus kepada tempat, tarikh dan masa pertuduhan kesalahan dikatakan dilakukan. Oleh itu, berdasarkan kepada pemerhatian di atas, saya menolak alibi ketiga-tiga OKT.

[43] Dalam kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49; [2013] 9 CLJ 692, Richard Malanjum HBSS (pada masa itu) memutuskan bahawa alibi tidak boleh mengatasi pengecaman yang positif di mana beliau menyatakan:

> [82] However, *alibi could not prevail over the positive identification of an accused person* especially so in the face of categorical statements coming from credible witnesses who had no ill motives in testifying.

[44] Seterusnya Richard Malanjum menerangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan apabila pembelaan alibi tidak berjaya dengan menyatakan:

> [86] Accordingly, for the above reasons there is no necessity for us to deal with the alibi defence but *merely to consider whether the prosecution had established its case beyond reasonable doubt in order to uphold the convictions* of the appellants.

[45] Disebabkan alibi ketiga-tiga OKT saya tolak, maka penelitian terhadap keseluruhan keterangan yang dikemukakan sebelum ini perlu saya nilai sepenuhnya.

ANALISIS KESELURUHAN KETERANGAN

[46] Bagi pembuktian bahawa sama ada kematian si mati disebabkan oleh atau akibat daripada perbuatan ketiga-tiga OKT, saya mendapati pihak pendakwaan telah mengemukakan saksi mata iaitu SP12 dan keterangan percakapan Allahyarham Mohammad Jopri (P54) di bawah s 112 Kanun Tatacara Jenayah yang mengakui melihat ketiga-tiga OKT memukul dan menyebabkan kematian si mati.

[47] Dalam keterangan bersumpahnya, SP12 menyatakan bahawa pada 13 September 2015 jam lebih kurang 3 petang beliau telah pergi ke *port* dadah yang dikenali dengan 'port kebun' di Kg AC Jaya Sepakat untuk mencari dadah. Sebaik sampai di *port* berkenaan iaitu jam lebih kurang 3.30 petang, SP12 mendapati si mati berada di situ dan sedang dipukul oleh OKT2 dan

OKT3 dan seorang lagi lelaki berbangsa India. SP12 mengakui telah lama mengenali OKT2 (yang kenalinya sebagai Nandu) dan OKT3 sejak 15 tahun yang lalu manakala lelaki India tersebut dicamkan kemudian oleh SP12 sebagai OKT1.

[48] SP12 juga menjelaskan bahawa jarak antara beliau dengan ketiga-tiga OKT dan si mati adalah lebih kurang 4 hingga 5 meter. SP12 mengakui melihat dengan jelas OKT2 memukui si mati dengan parang dan kayu serta memijak muka si mati seperti orang mengamuk manakala OKT3 dan OKT1 memukui si mati dengan senjata yang sama. SP12 cuba melarang perlakuan ketiga-tiga OKT namun OKT2 telah mengugut SP12 dengan meletakkan parang di leher SP12 agar beliau tidak masuk campur. SP12 telah balik ke rumah untuk meminta bantuan kawan dan telah pergi ke rumah Md Noor bin Abu Jamil (SP15) di Kg Paya, Layang-Layang.

[49] SP15 mengakui SP12 telah datang ke rumahnya dan menyatakan kepadanya bahawa si mati telah dipukul oleh ketiga-tiga OKT dan meminta bantuannya. Bagaimanapun SP15 tidak dapat membantu SP12 kerana pada ketika itu isterinya sedang sakit sawan manakala anaknya masih kecil.

[50] Semasa SP12 duduk di luar rumahnya, seorang kawan yang dikenali dengan nama 'Lin' datang ke rumahnya dan memberitahu SP12 bahawa OKT2 telah menyuruhnya untuk memanggil SP12 ke *port* tersebut bagi mengambil si mati. Dengan menaiki motor yang ditunggang oleh Lin, SP12 masuk semula ke *port* tersebut pada jam lebih kurang 4 pagi 14 September 2015. Individu bernama Lin ini, menurut SP12 telah meninggal dunia sebelum perbicaraan dijalankan.

[51] Apabila sampai di *port* tersebut, SP12 mendapati ketiga-tiga OKT berada di situ manakala si mati dalam keadaan terbaring tanpa baju. SP12 merayu kepada OKT2 supaya si mati dibawa ke Klinik.

[52] Peguambela ketiga-tiga OKT berhujah bahawa keterangan SP12 tidak boleh diterima kerana semasa kejadian SP12 dikatakan sedang khayal akibat menghisap dadah. Dengan hormat, saya tidak bersetuju dengan hujah tersebut. Sebaliknya, saya mendapati keterangan yang diberikan oleh SP12 adalah suatu keterangan langsung (*direct evidence*) dan mematuhi peruntukan s 60(1) Akta Keterangan. Selain itu, sekiranya SP12 khayal semasa kejadian, mana mungkin beliau mampu memberikan kronologi kejadian secara terperinci yang kemudiannya konsisten dengan yang diberikan oleh SP15.

[53] Peguambela ketiga-tiga OKT juga berhujah bahawa SP12 adalah saksi berkepentingan kerana SP12 merupakan abang kepada si mati. Dalam hal ini saya berpandangan fakta adik beradik semata-mata tidak boleh menjadikan

keterangan SP12 tidak boleh diterima. Sebaliknya mahkamah perlu menilai keseluruhan keterangannya serta keterangan sokongan terhadap keterangan yang dikemukakannya.

[54] Dalam hal ini, selain keterangan yang diberikan oleh SP12 ini, saya mendapati penglibatan ketiga-tiga OKT ini juga dinyatakan dalam percakapan Allahyarham Mohammad Jopri kepada polis melalui P54. Dalam P54, Allahyarham Mohammad Jopri menyatakan bahawa pada 13 September 2015 jam lebih kurang 6.20 petang semasa beliau berada di port kebun, OKT2 mengarahkannya mengambil si mati bagi dibawa ke port berkenaan. Ekoran itu, Allahyarham Mohammad Jopri telah pergi ke rumah si mati pada jam lebih kurang 6.30 petang dengan menaiki motosikal dan kemudian membawa si mati ke port tersebut. Di port berkenaan, Allahyarham Mohammad Jopri telah melihat ketiga-tiga OKT memukui si mati. Allahyarham Mohammad Jopri mengakui melihat OKT2 memukui si mati dengan parang serta menghentak kepala si mati dengan hulu parang manakala OKT3 memukui si mati dengan rotan.

[55] Peguam ketiga-tiga OKT membantah keras penerimaan keterangan Allahyarham Mohammad Jopri dalam P54.

[56] Dalam hal ini saya mendapati s 32(1)(i) Akta Keterangan menyatakan:

> 32 Cases in which statement of relevant fact by person who is dead or cannot be found, etc., is relevant
>
> (1) *Statements, written or verbal, of relevant facts made by a person who is dead* or who cannot be found, or who has become incapable of giving evidence, or whose attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to the court unreasonable, *are themselves relevant facts in the following cases*:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (i) when the statement was made in the course of, or for the purposes of, an investigation or inguiry into an offence under or by virtue of any written law;

[57] Berdasarkan kepada otoriti di atas, saya mendapati kenyataan Allahyarham Mohammad Jopri dalam P54 ini boleh diterima kerana ia mematuhi s 32(1)(i) Akta Keterangan yang mensyaratkan bahawa orang yang membuat kenyataan bertulis itu telah meninggal dunia dan kenyataan itu dibuat di bawah s 112 KTJ dan semasa siasatan terhadap suatu kesalahan dijalankan.

[58] Peguambela ketiga-tiga OKT juga mempertikaikan keterangan SP12

serta Allahyarham Mohammad Jopri atas alasan terdapatnya perbezaan masa si mati berada di tempat kejadian. Menurut peguambela, SP12 ternampak si mati semasa masuk ke port berkenaan pada lebih kurang jam 3.30 petang manakala Allahyarham Mohammad Jopri menyatakan bahawa beliau membawa si mati masuk ke port tersebut pada lebih kurang jam 6.30 petang.

[59] Dalam hal ini saya bersetuju dengan hujah TPR bahawa perbezaan masa tersebut bukanlah material kerana kejadian berkenaan telah lama berlaku iaitu kira-kira lima tahun yang lalu dan kebolehan mengingat seseorang adalah berbeza. Semasa pemeriksaan semula, SP12 mengakui bahawa ingatannya lambat disebabkan beliau telah berhenti menghisap dadah sebaik kematian si mati. Tambahan pula, pada pandangan saya kebiasaannya orang biasa tidak melihat jam pada setiap masa kecuali orang tersebut memang terlibat dengan pekerjaan yang melibatkan masa.

[60] Isu mengenai ingatan saksi ini pernah diulas oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, di mana Hasan Lah HMP ketika menyampaikan keputusan sebulat suara mahkamah menyatakan:

> [62] *It is important to note that every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other* (see *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15; [1976] CLJU 184; [1976] 1 LNS 184).

[61] Dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15; [1976] CLJU 184; [1976] 1 LNS 184, Raja Azlan Shah J (pada masa itu) menyatakan:

> *In this case different witnesses have testified to different parts of what had happened or what had been said and also there are, in the evidence of the witnesses for the prosecution, some discrepancies, as would be expected of witnesses giving their recollections of a series of events that took place in 1971–1973. In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened, it may be open to criticism, or it might be better if they took down a notebook and wrote down every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other.* It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this

A involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

B **[62]** Walau apapun terdapatnya perbezaan mengenai masa dari kedua-dua saksi ini, saya mendapati keterangan SP12 serta Allahyarham Mohammad Jopri saling menyokong antara satu sama lain mengenai fakta penting yang berikut:

(a) kejadian ketiga-tiga OKT memukui si mati berlaku pada petang 13 September 2015;

C (b) si mati telah dipukul dengan teruk oleh ketiga-tiga OKT;

(c) OKT2 memukui si mati di kepala menggunakan parang; dan

(d) SP12 menyatakan OKT3 menggunakan kayu manakala Allahyarham Mohammad Jopri menyatakan OKT3 menggunakan rotan.

D

[63] Selain itu, senjata yang digunakan seperti parang P15A(1) dan rotan (P14A) yang dirampas oleh ASP Mohd Hasrudi bin Mohd Zin (SP24) adalah konsisten dengan senjata yang dinyatakan oleh SP12 dan Allahyarham Mohammad Jopri. Manakala kecederaan yang dialami oleh si mati akibat E dipukul dengan parang dan rotan seperti luka adalah konsisten dengan penggunaan parang manakala kecederaan tumpul (*blunt trauma*) dan lebam berbentuk oval adaiah konsisten dengan perbuatan hentakan menggunakan rotan adalah konsisten dengan dapatan pakar perubatan SP8.

F

[64] Di samping itu, terdapat keterangan lain yang menyokong penglibatan OKT1. SP17 dalam keterangannya menyatakan bahawa pada 14 September 2015 jam 3.15 petang semasa dalam perjalanan ke rumah si mati iaitu ketika di simpang 4 Kg AC Jaya Sepakat, beliau ternampak OKT1 yang tidak G berpakaian dan tanpa kasut cuba menahan SP17. Namun SP17 tidak berhenti. Bagaimanapun selepas berada di rumah si mati selama kira-kira sepuluh minit, SP17 telah pergi semula ke tempat beliau ternampak OKT1 tadi. Apabila berjumpa OKT1, OKT1 telah menyatakan bahawa beliau tidak bersalah dan memohon ampun.

H

[65] Adalah menjadi persoalan mengapa perkataan itu keluar dari mulut OKT1 sedangkan perkara ini tidak ditanya langsung oleh SP17. Apa perlunya OKT1 menyatakan yang beliau tidak bersalah dan memohon ampun kepada SP17 kerana SP17 tidak pernah menuduh atau tahu OKT1 yang I menyebabkan kematian si mati?

[66] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah termasuk pembelaan alibi, saya mendapati pembelaan kesemua OKT adalah berbentuk penafian semata-mata tanpa bukti yang

munasabah. Mahkamah Rayuan dalam kes *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178 yang memutuskan:

> [54] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. *It is trite law that the defence of bare denial is no defence*. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake.
>
> [55] *The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges.* Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Majesty then was) in *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195; [1980] CLJU 12; [1980] 1 LNS 12, had this to say in regard to the defence of simple denial:
>
> > The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution's case against the appellant.

[67] Sehubungan itu, saya mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa kematian si mati disebabkan oleh atau akibat daripada bencana tubuh yang dilakukan oleh kesemua OKT terhadap si mati.

Niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan

[68] Mengenai niat bersama, Syed Agil Barakbah HMA dalam kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241 memutuskan:

> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. *In such a case, common intention maybe inferred from facts of and circumstances of the case and the conduct of the accused.*

[69] Selain itu, dalam kes *Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, Richard Malanjum HBSS (pada masa itu) menyatakan:

> *The existence of a common intention was a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof was difficult to procure because common intention was essentially a state of mind.* Invariably inferences have to be relied upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused at the scene, the nature of injury caused

by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there was a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved. Whether an act was in furtherance of the common intention was an incident of fact and not of law.

[70] Dalam kes di hadapan saya niat bersama ini adalah terlalu jelas. Ini boleh dibuktikan dengan penglibatan ketiga-tiga OKT dalam memukui si mati yang disaksikan sendiri oleh SP12 dan Allahyarham Mohammad Jopri. Sehubungan itu, tanpa ragu-ragu, niat bersama ini telah dibuktikan.

ANALISIS MAHKAMAH BAGI SABITAN ATAS KESALAHAN MEMBUNUH

[71] Berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan di mahkamah, saya mendapati bahawa ketiga-tiga OKT menyebabkan kecederaan tubuh terhadap si mati yang mengakibatkan kematiannya. Bagi sabitan atas kesalahan membunuh, s 300 KK menyebut:

300 Murder

Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder:

(a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;

(b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;

(c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or

(d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[72] Raja Azlan Shah HMP (pada masa itu) dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159 menghuraikan tentang perbuatan mematikan orang dan membunuh dengan menyatakan:

Section 299, Penal Code enacts that a person commits culpable homicide, if the act by which the death is caused is done: (a) with the intention to cause death; (b) with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death; (c) with the knowledge that ... the act is likely to cause death.

Section 300, Penal Code defines murder as follows. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done: (1) with the intention of causing death; (2) with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused; (3) with the intention of causing such bodily injury to any person, and ... is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; (4) with the knowledge that the act is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death.

The words I have italicised show the marked differences between the two offences. *Where there is an intention to kill, as in (a) and (1). The offence is always murder. Where there is no intention to cause death or bodily injury, then (c) and (4) apply. Whether the offence is culpable homicide or murder depends on the degree of risk to human life.* If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300, Penal Code is a case of this description. *Where the offender knows that the particular person injured is likely either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300, Penal Code is a good example.* The essence of (b) and (3) is this. *It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death.* Illustration (c) given in s 300, Penal Code is an example. It is on a comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis, it is a question of degree of probability.

A comparison that frequently arises in the application of ss 299 and 300 is the tenuous contention that s 299 is not a substantive offence and therefore an offence is either murder or culpable homicide according to whether or not one of the exception to s 300 apply, and *if by reason of the absence of the necessary degree of mens rea an offence does not fall within s 300, it cannot be one of culpable homicide not amounting to murder punishable under s 304, Penal Code*, but would amount to causing grievous hurt. In our view, the correct approach to the application of the two sections is this. Section 299 clearly defines the offence of culpable homicide. *Culpable homicide may not amount to murder (a) where the evidence is sufficient to constitute murder, but one or more of the exceptions to s 300, Penal Code apply, and (b) where the necessary degree of mens rea specified in s 299 is present, but not the special degree of mens rea referred to in s 300, Penal Code*. We would like in this connection to express the need to bear in mind that all cases falling within s 300, Penal Code must necessarily fall within s 299, but all cases falling within s 299 do not necessarily fall within s 300. *The first part of* s 304, Penal Code covers cases which by reason of the exceptions are taken out of the purview of s 300, cll (1), (2) and (3) but otherwise would fall within it and also cases which fall within the second part of s 299, but not within s 300, cll (2) and (3). The second part of s 304, Penal Code covers cases falling within the third part of s 299 not falling within s 300, cl (4).

[73] Dalam kes *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15; [2012] 8 CLJ 537; [2012] 6 AMR 573 Mahkamah Persekutuan menghuraikan bagaimana untuk mengenali niat membunuh berdasarkan

tahap kecederaan yang dialami oleh si mati dengan menyatakan:

> (2) *The evidence of the nature of the injuries sustained by the deceased was sufficient to prove an intention on the part of the appellant to cause bodily injury to the deceased. However, this evidence did not establish that the appellant had the intention to cause the death of the deceased.* Both the trial judge and the judges of the Court of Appeal had not addressed themselves on the fine distinction between ss 299 and 300 of the Code before coming to a correct conclusion. SP10 had given evidence that the deceased had suffered multiple injuries but she had also stated that apart from the injuries to the head, *the other injuries by themselves were not fatal*. Based on the evidence of SP10 it was not proved beyond reasonable doubt that the injuries inflicted upon the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. In view of the nature of the medical evidence given by SP10, the present case would fall within the first part of s 304(a) of the Code or the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder (see paras 20–24).
>
> (3) In view of the gravity of the offence and the multiple injuries inflicted by the appellant on the deceased body, he should be sentenced to a term of imprisonment of twenty years to take effect from the date of his arrest (see para 25).

[74] Berdasarkan kepada P38 adalah jelas si mati mengalami 42 kecederaan. Namun saya mendapati kebanyakan kecederaan berupa lebam dan calar di pinggang, jari, lengan, siku, bahu, ketiak, dada, dagu, mata, dahi, keting, buku lali, lutut dan peha si mati. Bagaimanapun tiada tulang yang patah. Pada bahagian kepala terdapat pendarahan bawah kulit namun tidak terdapat sebarang tanda pecah kepada tengkorak si mati. Pada pandangan saya selain kecederaan di muka dan kepala, kecederaan lain adalah tidak fatal yang boleh menyebabkan kematian si mati. Ini diakui oleh SP8 semasa pemeriksaan utama menyatakan sebagaimana berikut:

> S: Daripada 42 kecederaan yang doktor dapatkan berkenaan dengan pemeriksaan pada si mati ini, kecederaan yang manakah lazimnya sufficient to cause death kepada si mati dalam kes ini?
>
> J: Kecederaan-kecederaan yang tertumpu pada *bahagian muka dan kepala* iaitu kecederaan 29 hingga 35 ditambah dengan kecederaan huruf a dan b pada bahagian kepala adalah sufficient enough cukup signifikan untuk menyebabkan kematiannya.

[75] Dalam kes *Cheong Kam Kuen* mangsa di dalam kes tersebut mengalami lebih 100 kecederaan dan hanya satu kecederaan di kepala yang dikatakan 'fatal'. Namun Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perayu telah melakukan kesalahan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada membunuh dengan menyatakan:

> [20] *In the present case, it is our view based on the nature of the injuries sustained by the deceased, there was evidence of an intention on the part of the appellant to cause bodily injury to the deceased. However, we do not agree with the finding of the learned trial judge that based on the nature and number of injuries, the appellant had the intention*

to cause death to the deceased. We noted that both the learned trial judge and the Court of Appeal in their decision did not address themselves on the fine distinction between s 299 and s 300 of the Penal Code before coming to a correct conclusion.

[21] We are in agreement with the submission of learned counsel for the appellant that there is no evidence led from SP10, the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. *The evidence of SP10 is to the effect that the deceased suffered multiple injuries*. She said:

> *most of the injuries caused by the blunt object. However wound No 52 caused by sharp object.*
>
> *SP10 further stated as follows*:
>
> *The injury to the head can cause death whereas the others are not fatal by itself.*
>
> *This kind of injury, the chances of survival to a human. In this particular case, the chances is very slim because the injury on the face and on the head.* (See p 71 of appeal record Vol 1).

[22] *It is to be noted SP10 is quite certain in her evidence that apart from injuries to the head, the other injuries by themselves were not fatal.* In cross-examination by the defence as regards which injury caused the death, SP10 stated that some on the face and neck of the deceased and this is an accumulative effect rather than single injury. *It is therefore clear that the injuries which caused the death to the deceased were those on the face and neck, not the head and that those injuries are not fatal by themselves.*

[23] We are of the view based on the above evidence of SP10 it was not proved beyond reasonable doubt that those injuries inflicted upon the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[24] In view of the nature of the medical evidence given by SP10, the pathologist as earlier highlighted, it is our considered view that the present case would fall within the second part of s 299 of the Penal Code. *It is our judgment that this is a case which can reasonably be brought within the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder, falling within the first part of s 304 (s 304(a)) of the Penal Code.*

[76] Selain itu, melihat kepada kecederaan yang dialami oleh si mati, saya berpandangan ketiga-tiga OKT tidak berniat untuk membunuh si mati semasa memukulnya. Ini kerana dengan menggunakan senjata khususnya parang, secara munasabahnya ketiga-tiga OKT boleh sahaja mematikan si mati dengan segera dan mudah (sama ada dengan menikam atau menetak si mati) yang pada ketika itu tidak mempunyai sebarang senjata untuk mempertahankan diri dan kemudian melupuskan mayat si mati supaya tidak diketahui atau ditemui oleh orang ramai. Sebaliknya, si mati masih sedar semasa ditemui oleh SP12 sebelum dibawa keluar bagi dihantar ke klinik kesihatan.

[77] Berdasarkan kepada pemerhatian di atas, saya berpuas hati tanpa keraguan munasabah bahawa ketiga-tiga OKT atas niat bersama bahawa

ketiga-tiga OKT telah melakukan kesalahan mendatangkan bencana tubuh sebanyak 42 yang menyebabkan kematian si mati namun ia tidak terjatuh kepada niat membunuh dengan sengaja seperti mana maksud di bawah s 300 KK tetapi terjatuh pada peruntukan s 299 KK yang menyatakan:

> Whoever *causes death* by doing an act *with the intention of causing death, or with the intention of causing bodily injury as is likely to cause death or with the knowledge that he is likely by such act to cause death* commits the offence of culpable homicide.

[78] Sehubungan itu, membebaskan ketiga-tiga OKT daripada pertuduhan di bawah s 302 KK dan sebaliknya mensabitkan mereka atas kesalahan di bawah s 304(a) KK dengan niat menyebabkan bencana tubuh kepada si mati tanpa niat membunuh.

HUKUMAN TERHADAP KESEMUA OKT

[79] Dalam mitigasinya, OKT1 melalui peguamnya menyatakan bahawa semasa kejadian beliau berumur 25 tahun dan tiada mempunyai rekod iampau. Selain itu, OKT1 juga menyatakan bahawa dia telah berada di dalam penjara seiama lapan tahun lima bulan dan sudah merasakan betapa seksanya kehidupan dalam penjara. Beliau juga berjanji untuk berubah untuk menjadi insan yang baik apabila keluar kelak.

[80] Bagi OKT2 pula, beliau berumur 42 tahun dan masih bujang serta tinggal bersama ibubapanya yang masing-masing berusia 60 tahun dan 72 tahun. Sebelum ditangkap, beliaulah yang menjaga kedua-dua ibubapanya dengan bekerja menternak ayam dengan pendapatan sebanyak RM1,000 sebulan. Beliau pernah disabitkan dengan kesalahan yang berikut:

(a) di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman penjara selama tujuh tahun oleh Mahkamah Tinggi Muar pada 19 Januari 2005;

(b) di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,500 oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru pada 26 Jun 2009; dan

(c) di bawah s 6 Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 dan dijatuhkan hukuman enam bulan penjara dan satu sebatan oleh Mahkamah Majistret Rawang pada 21 Jun 2022.

[81] Bagi OKT3 pula, beliau menyatakan bahawa semasa kejadian beliau beerumur 35 tahun dan sudah berkahwin serta mempunyai tiga orang anak. Sebelum ditangkap, OKT3 bekerja sebagai pemandu jentera berat dengan pendapatan sebanyak RM1,700 sebulan. Sama seperti OKT1, OKT3 menyatakan bahawa seiama berada dalam penjara seiama lebih lapan tahun, beliau menyatakan bahawa beliau telah insaf dan berjanji untuk menjadi

seorang bapa yang baik. OKT3 juga mempunyai kesalahan lampau seperti berikut:

(a) kesalahan pecah rumah di malam hari dan curi di malam hari di bawah s 457 Kanun Keseksaan dan dihukum denda sebanyak RM1,500 oleh Mahkamah Majistret Kluang pada 5 Mac 2002; dan

(b) kesalahan melanggar syarat perintah di bawah s 15(2)(c) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan dihukum penjara seiama dua tahun oleh Mahkamah Majistret Pekan.

[82] Bagi TPR, pula pihak pendakwaan berhujah bahawa ketiga-tiga OKT wajar diberikan hukuman yang berat atas alasan kes ini melibatkan suatu kesalahan yang serius di mana satu nyawa telah terkorban dengan pada tubuh si mati terdapat 42 kesan kecederaan. Kes ini juga melibatkan perbicaraan penuh dengan fakta menunjukkan si mati yang tidak bersenjata telah dipukul oleh ketiga-tiga OKT yang bersenjatakan kayu, parang dan rotan di tengah hutan di satu *port* menghisap dadah.

[83] Dalam hal menentukan huukuman yang setimpal, sebagai permulaan, saya suka memetik s 183 KTJ yang menyatakan bahawa apabila seseorang yang dituduh telah disabitkan dengan sesuatu pertuduhan, maka mahkamah hendakiah memberikan hukuman yang sefaras dengan undang-undang. Seksyen tersebut menyatakan:

> 183 Sentence
>
> If the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law.

[84] Tafsiran mengenai hukuman yang selaras dengan undang-undang telah dijelaskan oleh Hakim Mohamed Azmi (pada masa itu) dalam kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315; [1981] CLJU 28, di mana beliau menyatakan:

> *A 'sentence according to law' means that* the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be *assessed and passed* in accordance with established judicial principles.

[85] Antara prinsip perundangan dalam mempertimbangkan hukuman yang setimpal, Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Morah Chekwube Chukwudi* [2017] MLJU 958; [2017] CLJU 864; [2017] 1 LNS 864 menyatakan:

> Jurisprudence relating to sentence
>
> [5] It is well established that there are a number of factors that courts take into consideration before sentencing. Some of them are as follows:

A
(a) the gravity or severity of the facts constituting the offence;
(b) the circumstances in which it was committed;
(c) the rampancy of such offence in the area;
B
(d) the offender's previous record;
(e) the offender's contribution and support to his family members;
(f) the offenders means;
(g) the effect of conviction and sentence on his job opportunities;
C
(h) the age and health of the accused;
(i) whether it is his first offence;
(j) whether the accused had cooperated with the police after the commission of the offence;
D
(k) whether the accused had pleaded guilty;
(l) status of the accused;
(m) whether there was violence during the crime; and
E
(n) public interest, etc.

[86] Walaupun s 304(a) KK memperuntukkan bahawa hukuman di bawah seksyen tersebut adalah pemenjaraan sehingga 30 tahun dan juga denda, saya mendapati tred penghukuman yang melibatkan kesalahan di bawah seksyen ini adalah seperti di bawah, antaranya:
F

	Nama kes	Fakta ringkas	Hukuman
1	Azwel bin Mohd Ali lwn Pendakwa Raya [2013] 1 MLJ 253; [2012] 6 CLJ 809 (MR)	Perayu pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun oleh Mahkamah Tinggi. Rayuan ditolak	10 tahun
2	Vinaga Moorthy a/l Gopal v Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 87; [2003] 1 CLJ 758 (MR)	Perayu telah dituduh atas pertuduhan di bawah s 304 KK. dan telah mengaku salah serta dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun oleh Mahkamah Tinggi. Rayuan ditolak	12 tahun

G
H
I

3	Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai [2000] 6 MLJ 622; [2000] CLJU 208 (MT)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun oleh Mahkamah Tinggi.	15 tahun
4	Pendakwa Raya lwn Karthiselvam a/l Vengatan [2008] 3 MLJ 368; [2009] 4 CLJ 632 (MT)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun	13 tahun
5	Pendakwa Raya lwn Nurul Yuliana [2019] MLJU 273; [2019] CLJU 418; [2019] 1 LNS 418 (MT)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun	15 tahun
6	Pendakwa Raya lwn Akhlas [2021] MLJU 2621; [2021] CLJU 2201; [2021] 1 LNS 2201 (MT)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku saiah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 14 tahun	14 tahun
7	Yit Kean Hong v Public Prosecutor [2005] 4 CLJ 592 (MR)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun. Rayuan ditolak	15 tahun

8	Pendakwa Raya v Anuar bin Mohamad [2010] MLJU 702; [2010] CLJU 1846; [2010] 1 LNS 1846 (MR)	OKT pada asalnya telah dituduh di bawah s 302 KK. Namun dia telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun. Mahkamah Rayuan telah menaikkan hukuman kepada 15 tahun	15 tahun
9	Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor [2020] 5 MLJ 442; [2020] 8 CLJ 306 (MP)	OKT pada asalnya telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 302 KK oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Namun Mahkamah Persekutuan telah meminda sabitan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun	15 tahun
10	Neelamegan a/l Kumar dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2024] 2 MLJ 876; [2023] CLJU 2342; [2023] MLRAU 272 (MR)	OKT pada asalnya telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 302 KK oleh Mahkamah Tinggi. Namun Mahkamah Rayuan telah meminda sabitan di bawah s 304(a) KK dan dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan sepuluh tahun	12 tahun 10 tahun

[87] Bagi OKT1, saya mendapati kesalahan ini merupakan kesalahannya yang pertama. Dalam hal ini saya suka memetik *Mallal's Criminal Procedure* (6th Ed) di ms 4399 yang menyatakan:

> The leniency accorded to a first offender recognises human frailty and yet shows respect for the offender as a rational individual, capable of responding to the unsure inherent in the sentence imposed.

[88] Oleh yang demikian, saya berpandangan OKT1 wajar diberikan keringanan hukuman atas kesilapannya yang pertama. Selain itu, semasa kejadian, OKT1 masih muda iaitu berumur 25 tahun. OKT1 wajar diberikan peluang untuk membina kehidupan yang baru selepas keluar penjara kelak. Tambahan pula, mengikut fakta yang terdapat dalam P54 dan kenyataan

bersumpah SP12, penglibatan OKT1 adalah paling minimum berbanding dengan OKT yang lain.

[89] Berdasarkan kepada faktor di atas serta mengambil kira kepentingan awam, saya berpandangan hukuman pemenjaraan selama 13 tahun dari tarikh tangkap adalah wajar dikenakan terhadap OKT1.

[90] Bagi OKT2 dan OKT3, saya mendapati kedua-dua OKT ini mempunyai rekod kesalahan lampau. Walaupun, mereka menyatakan telah insaf berikutan telah lama berada dalam penjara, namun kesalahan yang mereka lakukan adalah serius, Keinsafan mereka tidak boleh mengembalikan semula si mati ke dunia ini. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kepentingan awam serta tred penghukuman yang melibatkan kesalahan ini, maka saya memutuskan hukuman pemenjaraan selama 15 tahun dari tarikh tangkap adalah wajar.

[91] Saya juga memerintahkan agar kesemua ekshibit melainkan dokumen diserahkan kepada polis untuk simpanan selamat sehingga semua proses rayuan diselesaikan.

Ketiga-tiga OKT dibebaskan daripada pertuduhan di bawah s 302 KK; ketiga-tiga OKT disabitkan bagi kesalahan di bawah s 304(a) KK; OKT1 dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama 13 tahun dari tarikh tangkap; OKT2 dan OKT3 dijatuhkan hukuman pemenjaraan 15 tahun dari tarikh tangkap.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar